



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SIARAN AKHBAR**

**OPERASI SEPADU UNIT SUKATAN DAN TIMBANGAN DAN  
JABATAN HAL EHWAL PENGGUNA, JABATAN PERANCANGAN EKONOMI  
DAN STATISTIK (JPES) DI DAERAH BRUNEI MUARA**

1. Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) dan Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna (JHEP) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan operasi bersepadu iaitu pemeriksaan mengejut ke atas empat (4) buah premis perniagaan di Daerah Brunei Muara pada hari Rabu, 26 Jun 2024.
2. Operasi berkenaan telah mendapati sebanyak enam (6) unit alat sukat dan timbang digunakan bagi tujuan perdagangan. Dua (2) unit alat timbangan kepunyaan Syarikat Z-Shad Sdn Bhd gagal mematuhi Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 iaitu menggunakan alat sukat dan timbang yang telah mansuh tempoh kebenaran pendaftaran yang dibenarkan. Pihak syarikat juga telah dikeluarkan Notis Penyitaan dan kedua-dua alat tersebut telah disita. Dalam pada itu, pihak syarikat dikehendaki hadir ke Pejabat Unit SDT mengikut tadahan alat didaftarkan dalam tempoh tujuh (7) hari waktu bertugas dari tarikh notis dikeluarkan bagi memperbetulkan isu berkenaan.
3. Sementara itu, sebanyak dua (2) buah premis perniagaan gagal mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 atas kesalahan yang sama iaitu tidak mempamerkan tanda harga pada sebahagian barangan yang dijual di dalam premis perniagaan. Oleh itu, JPES telah mengeluarkan sebanyak satu (1) Notis Amaran dan satu (1) kompaun kepada kedua-dua premis perniagaan berkenaan. Syarikat Z-Shad Sdn Bhd dikenakan kompaun berjumlah BND500.00.
4. Para peniaga adalah dinasihatkan untuk sentiasa peka dan mematuhi akta dan peraturan yang berkuatkuasa di Negara ini. Ini adalah bertujuan memastikan sebarang aktiviti perniagaan yang dijalankan adalah telus dan adil.
5. Bagi sebarang pertanyaan lanjut dan aduan, orang ramai boleh menghubungi agensi-agensi berkenaan seperti keterangan berikut:
  - i. SDT melalui e-mel: [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn) atau talian 2334092; dan
  - ii. JHEP melalui Talian Darussalam 123 dan aplikasi mudah alih PenggunaBijak atau e-mel kepada: [aduanpengguna@jpes.gov.bn](mailto:aduanpengguna@jpes.gov.bn)

**-TAMAT-**

Disediakan oleh:

Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE),  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

E-mel: [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn)

Rujukan: (055) KKW/SDT/ENF/04  
Tarikh: 23 Zulhijjah 1445 / 29hb Jun 2024



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PRESS RELEASE**

**JOINT OPERATION WEIGHTS AND MEASURES UNIT AND  
DEPARTMENT OF CONSUMER AFFAIRS, DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING  
AND STATISTICS AT BRUNEI MUARA DISTRICT**

1. Industry and Business Ecosystem Division (IBE) through Weights and Measures Unit (SDT) and Department of Economic Planning and Statistics (DEPS) through Department of Consumer Affairs (DCA) under the Ministry of Finance and Economy conducted Joint Operation on business premises at Brunei Muara District on Wednesday, 26<sup>th</sup> June 2024.
2. The operation found six (6) units of weighing machines used for trading purposes. Two (2) units owned by Syarikat Z-Shad Sdn Bhd failed to comply with Weights and Measures Act 1983 Chapter 151 which is using expired permitted registration period. The company has been issued a Seizure Notice and both of the weighing machines have been confiscated. They are required to report to the Weights and Measures Unit Office within seven (7) working days from the date of the issued notice.
3. Meanwhile, two (2) business premises were found to violate the Price Control Act, Chapter 142 for the same offence which is not displaying price tags on some of the items sold in the business premises. DEPS has issued one (1) Warning Notice and one (1) compound to both business premises. Syarikat Z-Shad Sdn Bhd is issued with BND500.00 compound.
4. Retailers are advised to always alert and comply with the laws and regulations enforced in this country. This is to ensure transparent and fair trade in any business activities conducted.
5. For any enquiries and complaints, public may contact the relevant agencies as follows:
  - i. SDT via email: [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn) or contact at 233 4092; and
  - ii. DEPS via Talian Darussalam 123 and PenggunaBijak app, or e-mail: [consumercomplaint@jpes.gov.bn](mailto:consumercomplaint@jpes.gov.bn)

**-END-**

Prepared by:  
Weights and Measures Unit (SDT), Industry and Business Ecosystem Division (IBE),  
Ministry of Finance and Economy.  
E-mail: [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn)

Reference: (055) KKW/SDT/ENF/04  
Date: 23 Zulhijjah 1445 / 29<sup>th</sup> June 2024

**OPERASI SEPADU UNIT SUKATAN DAN TIMBANGAN, BAHAGIAN INDUSTRI DAN EKOSISTEM PERNIAGAAN DAN JABATAN HAL EHWAL PENGGUNA, JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK (JPES) DI DAERAH BRUNEI MUARA**

